

**PERANAN LEMBAGA TABUNG HAJI MENGIMARAHKAN SYIAR ISLAM
MELALUI PENGURUSAN RUKUN ISLAM KELIMA
OLEH;
DR. KHAIRUDDIN BIN MOHAMAD**

1.0 PENGENALAN

Usaha memartabatkan Islam secara terancang di Malaysia menjadi agenda penting dalam pemerintahan Perdana Menteri Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abd. Razak. Melalui pendekatan Wasatiyyah¹ yang dijadikan asas dalam pentadbiran beliau telah membawa negara Malaysia untuk keluar daripada bermacam kemelut dan cabaran sehingga muncul sebagai sebuah negara Islam yang moden dan progresif di rantau ini. Satu daripada agenda terpenting di bawah kepimpinan beliau ialah memperkasa peranan dan fungsi Lembaga Tabung Haji (*TH*) sebagai pengimarah syiar atau kebesaran Islam melalui pengurusan haji yang berkesan dan unggul.

Umum mengetahui *TH* ialah salah sebuah institusi kewangan Islam terunggul di Malaysia. Kini peranannya menyaingi kehebatan beberapa institusi kewangan dan perbankan negara dari segi bilangan pendeposit dan produknya yang menepati kehendak Islam. *TH* telah ditubuhkan pada tahun 1963 dan proses perkembangan memperlihatkan perubahan pertama berlaku pada tahun 1969 di mana perbadanan tersebut bercantum dengan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji yang beroperasi di Pulau Pinang. Nama asal *TH* iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) telah ditubuhkan di bawah Akta 8, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969.

¹ Wasatiyyah ialah satu konsep yang diketengahkan dalam pentadbiran awam Perdana Menteri Malaysia Ke-6. Penekanan konsep dan nilai dilihat sebagai suatu pendekatan kesejahteraan mapan dalam aspek pembangunan. Menolak sebarang bentuk keganasan yang dilabelkan kepada negara-negara Islam oleh dunia Barat.

Tujuan pertama penubuhannya adalah untuk membolehkan umat Islam menyimpan secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau lain-lain perbelanjaan bermanfaat. Tujuan kedua adalah untuk membantu umat Islam menggunakan wang simpanan mereka bagi mengambil bahagian yang lebih aktif dalam aktiviti penanaman modal melalui cara yang halal di sisi Islam. Manakala tujuan ketiga adalah untuk memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada jemaah haji yang menunaikan fardu haji dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan. Berasaskan tiga tujuan ini, *TH* telah menetapkan matlamatnya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik, sempurna dan memuaskan kepada para jemaah haji Malaysia semasa menunaikan fardu haji di samping memberi keuntungan yang maksimum kepada para pendeposit melalui wang simpanan mereka.

Kini *TH* telah menjangkau usia 52 tahun dan berpengalaman luas dalam hal-hal berkaitan deposit, perkhidmatan dan operasi haji serta bidang pelaburan. Sebagai salah sebuah agensi pengurus dana Islam terbesar di negara ini, *TH* diyakini mampu menjadi wadah bagi mengimarahkan lagi syiar Islam di Malaysia. Cara *TH* mengimarah kebesaran Islam ini boleh berlaku secara tersirat dan tersurat dalam setiap aktiviti yang dijalankan terutama semasa mengurus dan mentadbir keberangkatan serta kepulangan ribuan jemaah haji setiap tahun. Pencapaian yang konsisten dalam urusan ini telah melayakkan *TH* menerima beberapa pengiktirafan peringkat dunia dan pada masa yang sama telah menjadi contoh kepada pengurusan haji dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif oleh kebanyakan Negara Islam di dunia.

Terdapat enam peranan yang telah dikenalpasti boleh dimainkan oleh *TH* ke arah mengimarahkan syiar Islam di Malaysia melalui pengurusan haji yang berkesan dan cemerlang iaitu:

- Peneraju utama ke arah pemerkasaan ekonomi moden umat Islam.
- Penjana pelaburan strategik pada peringkat global dan tempatan.
- Memperkaya modal pendeposit sedia ada supaya terus meningkat.
- Menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada semua jemaah.
- Membantu dan membimbing jemaah mendapatkan haji *mabrur*, dan
- Memberikan pulangan kompetitif dan *halalan toyyiban* melalui produknya.

Peranan pertama *TH* ialah sebagai peneraju utama ke arah pemerkasaan ekonomi moden umat Islam. Kamus Dewan Edisi ke-4 (2005) telah mentakrifkan 'peneraju' sebagai pihak yang mengetuai atau memimpin, manakala 'pemeriksaan' bermaksud perihal menjadikan hebat, unggul dan kuat. 'Ekonomi' pula menurut Mokhtar Hj. Ismail (2014) sebagai satu bidang melibatkan proses penjaan pendapatan, kawalan perbelanjaan secara berhemat, guna tenaga dan potensi insan yang cekap dan berkesan serta dasar-dasar pelaksanaan tertentu yang membawa kebaikan, keuntungan dan meninggikan kebajikan manusia dalam mengharungi kehidupan.

Sejarah telah membuktikan bahawa kejayaan sesuatu ketamadunan itu berkait rapat dengan kekuatan ekonomi. Malah kekuatan ekonomi menjadi prasyarat untuk membina sesuatu tamadun yang baharu. Dalam pada itu, kelemahan kuasa ekonomi pula mampu merobohkan sesuatu ketamadunan yang sedia terbina. Ini bermaksud bahawa prestasi ekonomi yang mantap akan membantu

mempertingkatkan kualiti hidup umat Islam di samping mampu mempertahankan diri daripada anasir negatif. Maknanya, jika umat Islam di negara ini ingin terus maju dalam pelbagai bidang politik dan sosial maka perkukuhkanlah sistem ekonomi Islam yang diurus mengikut acuan sendiri. Salah satu cabang untuk memperkasa ekonomi moden umat Islam adalah menerusi amalan menabung secara konsisten.

Peranan *TH* untuk memperkasakan ekonomi 'moden' umat Islam di Malaysia amat jelas sekali dan tidak boleh dinafikan lagi. Satu daripadanya dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada menerusi tanggung jawab mengurus dan mentadbir akaun pendeposit secara profesional dan mengawalinya secara sulit dan persendirian. Melalui cara ini, para pendeposit berasa selesa, rela hati dan yakin untuk terus menyimpan di *TH* sementara menunggu giliran rasmi untuk ke Tanah Suci. Cara ini amat baik kerana *TH* menggunakan kaedah 'serampang dua mata' iaitu menggalakkan amalan menyimpan yang selamat dan berkat, dalam masa yang sama harapan setiap pendeposit untuk melaksanakan Rukun Islam yang kelima akan tercapai apabila tiba giliran dan menatuhi beberapa syarat lain. Manakala dana yang terkumpul akan dilaburkan kepada anak syarikat *TH* untuk mendapatkan pulangan tambahan yang menepati kehendak Islam. Aktiviti melabur dana simpanan para pendeposit ke beberapa buah anak syarikat *TH* inilah yang dikatakan ekonomi moden umat Islam.

Bagi menyemarak dan menarik lebih ramai pendeposit baharu terutama generasi muda, beberapa langkah proaktif telah diambil *TH* seperti memperkenalkan khidmat kaunter yang mesra pengguna, perkhidmatan kaunter di beberapa UTC, perkhidmatan ATM / CDM / *Uniteller* dan transaksi elektronik di bank-bank terpilih,

skim potongan gaji, skim pelaburan Ahli KWSP, ejen kutipan simpanan, perkhidmatan *Auto-Debit* dan caj perkhidmatan. Selain perkhidmatan kaunter secara tetap di ibu pejabat Tabung Haji dan cawangannya, *TH* juga telah menawarkan perkhidmatan kaunter mudah alih. Perkhidmatan yang diperkenalkan pada 1 Julai 2007 bertujuan memudahkan pelanggan berurusan dengan *TH* di lokasi tertentu seperti ekspo, kilang, pejabat, sekolah dan sebagainya. Dalam usaha mempelbagaikan perkhidmatannya, pihak *TH* telah memperkenalkan kemudahan yang beroperasi menerusi *internet online* iaitu portal e-THiJARI. Pendeposit boleh mengakses perkhidmatan ini tanpa had sempadan, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Perkhidmatan ini memudahkan pendeposit terutama yang bekerja untuk menambah simpanan mereka pada bila-bila masa termasuk semasa cuti umum dan tidak memerlukan mereka beratur panjang.

Untuk generasi muda pula *TH* memperkenalkan dua kelab iaitu TaHa@U dan TaHa. Kelab TaHa@U ² bertujuan menanam minat menabung dalam kalangan generasi muda di samping membangkitkan keinginan menunaikan ibadat haji pada usia awal. Manakala Kelab TaHa ³ pula bertujuan menanam minat menabung sejak di bangku sekolah serta menyemai rasa bangga menjadi ahli Tabung Haji di usia muda. Antara aktiviti kelab ialah penganjuran Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa, Seminar Bimbingan Peperiksaan, Kem Bijak dan *English Camp*.

² TaHa@U iaitu satu kelab khas untuk siswa-siswi di institusi pengajian tinggi di mana pelancarannya telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

³ Kelab ini telah dilancarkan penubuhannya pada 2008 oleh Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang ketika itu sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyasarkan penabung muda yang berumur dari 7 hingga 17 tahun.

Jelaslah bahawa peranan *TH* sebagai peneraju utama ke arah pemeraksanaan ekonomi moden umat Islam amat jelas iaitu melalui amalan menabung yang diurus dengan baik dan bersistematik. Seterusnya dana yang terkumpul akan dilaburkan pula dalam beberapa anak syarikatnya dengan pulangan keuntungan yang menarik. Semua keuntungan yang diperoleh akan dikembalikan kepada pendeposit dalam bentuk bonus khas dan bonus haji. Pada masa yang sama *TH* menggunakan pelbagai strategi untuk menarik minat generasi muda menabung dengan sokongan beberapa intensif baharu dan menarik agar generasi muda ini turut tertarik untuk menabung di *TH* dan pada masa yang sama menggalakan mereka menunaikan haji pada usia yang muda. Tidak mustahil pada suatu hari nanti *TH* akan memperkenalkan beberapa produk baharunya seperti pinjaman dan biasiswa pendidikan kepada individu tertentu, urus niaga 'pajak gadai Islam' dan pinjaman pembiayaan perniagaan umat Islam dan sebagainya. Dalam industri berskala besar pula dicadangkan *TH* memiliki sendiri syarikat penerbangan seperti Mas dan Air Asia kerana saban tahun keperluan pengangkutan ini diperlukan untuk membawa jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci. Saranan kedua ialah membuka gedung-gedung perniagaan dan *supermarket* ala Maydin, Giant, Tesco dsb. supaya kesucian umat Islam sentiasa terpelihara daripada benda yang ada unsur '*syubahah*' dan meragukan.

Peranan kedua sebagai penjana pelaburan strategik pada peringkat global dan tempatan. *TH* telah diberi kepercayaan untuk mentadbir dana simpanan pendeposit ke dalam bentuk pelaburan menguntungkan dengan pulangan yang kompetitif dan mematuhi syariaah Islam. Matlamatnya untuk menjana keuntungan yang mampan dan pengejalan modal dengan mengambilkira keseimbangan tahap

risiko dan pulangan yang sepadan. Semua aktiviti pelaburan ini dilaksanakan oleh dua jabatan di bawah *TH* iaitu Jabatan Pelaburan serta Jabatan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan.

Masa berlalu begitu pantas dan kita telah menyaksikan *TH* bukan sahaja mengurus hal ehwal pemergian umat Islam ke Tanah Suci semata-mata tetapi telah bangkit menjadi sebuah institusi pelaburan Islam terkemuka di rantau ini dan peringkat dunia. Bagi tujuan tersebut sebuah panel pelaburan telah dilantik terdiri golongan korporat, pakar ekonomi dan perundangan syariah. Panel ini turut membantu dari segi memberi nasihat dan pandangan bagi setiap prospek pelaburan di samping membantu dalam merangka dan melaksanakan polisi dan prosedur pelaburan. Panel ini bertanggungjawab menasihati Ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan *TH* mengenai sesuatu aktiviti pelaburan dan kawalan dalamannya dalam usaha mempertingkatkan nilai pelaburan yang boleh memberikan pulangan yang baik.

Kini hasrat untuk menjadikan *TH* sebagai pelopor syarikat pelaburan Islam yang unggul, kian terserlah dengan pemilikan puluhan anak syarikat yang beroperasi di bawah tujuh bidang utama iaitu perladangan, perbankan, teknologi maklumat, hospitaliti, perkhidmatan, pembangunan hartanah dan pembinaan, serta sokongan marin. *TH Plantations Bhd.*, *TH Indo Industries Sdn. Bhd.*, *TH Indopalms Sdn. Bhd.*, dan *TH Estates (Holding) Sdn. Bhd.* merupakan syarikat yang mewakili bidang perladangan manakala *BIMB Holding Bhd.*, *Bank Islam Malaysia Bhd.*, dan *Syarikat Takaful Malaysia Bhd.*, mewakili sektor perbankan. Anak syarikat lain yang turut

populer dan bernaung di bawah *TH* termasuklah *TH Properties Sdn. Bhd.*⁴ manakala *TH Travel & Services* untuk urusan umrah dan haji serta perlancongan (sekadar menyebut beberapa nama sahaja).

Oleh itu peranan yang dimainkan oleh *TH* dalam mencari pelaburan strategik baharu pada peringkat global dan tempatan tidaklah boleh dinafikan lagi. Usaha yang dijalankan ini bukanlah sesuatu yang sia-sia kerana telah menunjukkan kejayaan terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti menguruskan pelaburan. Perkara ini penting bagi meningkatkan modal umat Islam menerusi pelaburan dalam sektor halal, menguntungkan dan mengikut lunas-lunas Islam. Seterusnya keuntungan daripada pelaburan ini akan dipulangkan semula kepada pendeposit mengikut peratusan yang dipersetujui dalam bentuk pemberian bonus.

Kesan daripada aktiviti pelaburan yang menguntungkan oleh *TH* ini ialah pembayaran zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Di Malaysia, hanya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sahaja yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menerima, mengumpul dan menggunakan dana wakaf bagi manfaat umat Islam keseluruhannya (Mokhtar Hj. Ismail 2014). *TH* turut menguruskan proses pembayaran zakat ini bagi pihak pendeposit-pendepositnya sebagai usaha menegakkan perintah Allah SWT (Mamat Said, 2001). Melalui pembayaran zakat pelaburan ini, *TH* secara tidak langsung telah membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh kumpulan memerlukan di samping mewujudkan semangat kekeluargaan yang tinggi dalam kalangan umat Islam. Selain zakat, kewujudan anak-anak syarikat di bawah naungan *TH* ini telah berjaya

⁴ *TH Properties Sdn. Bhd.* merupakan pemaju pembangunan hartanah yang giat menjalankan projek bandar perumahan moden seluruh negara seperti Bandar Enstek dan Bandar Warisan Puteri di Negeri Sembilan.

mewujudkan ribuan peluang pekerjaan bermula dari kakitangan pengurusan dan profesional hinggalah staf sokongan. Menariknya peluang pekerjaan ini akan diisi oleh umat Islam terutama golongan muda yang baharu menamatkan pengajian mereka masing-masing. Justeru itu melalui aktiviti pelaburan *TH* tetap berperanan besar dalam mengimarahkan syiar Islam melalui pengurusan Rukun Islam kelima.

Peranan ketiga *TH* ialah berusaha sedaya upaya untuk menggembleng dan memperkaya modal pendeposit sedia ada supaya terus meningkat pada setiap tahun. Maknanya *TH* mempelopori usaha untuk menggalakkan umat Islam menyimpan secara selamat. Ini selaras dengan hasrat pencetus idea penubuhan *TH* YM Profesor DiRaja Ungku Aziz iaitu:

“Menerusi perancangan yang tersusun telah membolehkan para penabung mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam bidang pelaburan melalui penanaman modal dengan cara yang halal seperti yang digagaskan oleh Yang Mulia Profesor Di Raja Ungku Aziz bertajuk ‘Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji’ pada tahun 1959.”

(Lembaga Tabung Haji Sabah, 2013)

Namun kebelakangan ini, amalan menabung kurang dipraktikkan oleh majoriti umat Islam di negara ini dan hal ini jelas mengundang kerisauan kepada beberapa pihak yang telah bertungkus lumus mengadakan pelbagai kempen berkenaan amalan menabung ini termasuklah *TH* sendiri. Mahu atau tidak mahu, pihak terlibat haruslah memerah otak untuk mencari jalan alternatif lain bagi menjadikan amalan menabung ini sebagai suatu yang sinonim dalam kalangan umat Islam khasnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Sebenarnya dalam sistem kewangan Islam sedia ada terutama yang dipelopori oleh *TH* adalah yang terbaik berbanding sistem perbankan konvensional lain. Jika pendekatan yang digunapakai memberikan pulangan yang tinggi kepada pendeposit, sudah tentulah mampu menarik umat Islam untuk menyimpan wang mereka di *TH* secara konsisten, sama ada secara manual atau potongan gaji. Ini terbukti melalui peningkatan bilangan pendeposit yang berjumlah 4,023,790 orang sehingga bulan Disember 2000 dengan jumlah simpanan terkumpul menjangkau RM 9,534 juta (Norhazimah Che Hassan, 2004).

Bilangan pendeposit Tabung Haji untuk lima tahun seterusnya juga menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2009 mencatatkan bilangan pendeposit seramai 5.04 juta orang dengan jumlah simpanan 23.6 billion. Tahun 2011 menunjukkan pertambahan kepada 6.9 juta orang dengan jumlah simpanan 31.7 billion manakala data tahun 2013 menunjukkan pertambahan kepada 8.3 juta orang dengan jumlah simpanan 45.7 billion.⁵ Kini jumlah pendeposit *TH* terus meningkat kepada 8.6 juta orang (Siti Ainiza Kamsari, 2015).

Peningkatan jumlah pendeposit dan simpanan ini disebabkan usaha yang proaktif Tabung Haji melalui kempen dan penawaran beberapa produk baharu kepada khalayak selari dengan kehendak dan tuntutan semasa. Masyarakat Islam berasa cukup yakin terhadap beberapa kaedah menyimpan yang diperkenalkan *TH* seperti *al-muqarabah*, *al-mudarabah*, *al-musyarakah*, *al-ijarah*, *al-bay' bithaman ajil*, *al-istisna* dan *al-qard al-hasan*. Peningkatan modal deposit ini membolehkan *TH* mengeluarkan zakat sebagaimana yang dilakukan untuk peranan kedua di atas.

⁵ Sumber <http://www.tabunghaji.gov.my/bilangan-pendeposit-simpanan-pendeposit>

Satu lagi kesan yang akan diterima pendeposit *TH* menerusi peranan ketiga ini ialah pemberian bonus haji. Bonus haji adalah bonus khas yang diberi kepada para pendeposit *TH* yang belum pernah menunaikan haji dan terhad kepada bayaran haji semasa (RM9,980). Siapakah yang layak menerima Bonus Tahunan? Semua Pendeposit yang mempunyai akaun simpanan *TH* yang berstatus aktif pada 31 Disember 2014, pada kadar yang diisytihar pada tahun semasa. Sekiranya pendeposit menutup akaun sepanjang tahun semasa dan sebelum bonus tahun semasa diisytihar, maka kadar yang diguna pakai adalah kadar bonus tahunan, tahun sebelumnya.

Pemberian bonus dapat membantu pendeposit mencapai sasaran untuk menunaikan haji pada tempoh masa yang lebih singkat kerana simpanan mereka bertambah menerusi bonus diberikan oleh *TH*. Lazimnya kadar peratus bonus tahunan *TH* yang diumumkan itu kompetitif dengan kadar pulangan akaun deposit tetap penyimpan oleh perbankan Islam dan konvensional yang lain. Umpamanya pada tahun 2014 apabila prestasi *TH* menunjukkan pencapaian prestasi kewangan yang memberangsangkan, pendeposit yang setia ini turut dianugerahi 'Bonus Tambahan' di samping pemberian 'Bonus Haji' seperti tahun-tahun sebelumnya kepada mereka yang belum lagi menunaikan fardu haji. Kedua-dua bayaran bonus ini membuktikan bahawa *TH* telah menunjukkan keiktizimannya dalam hal berkaitan dengan kebajikan para pendeposit setianya.

Untuk itu peranan yang dimainkan oleh *TH* dalam memastikan modal pendeposit sedia ada terus meningkat pada setiap tahun telah mewujudkan fenomena bantu membantu sesama umat Islam iaitu melalui sumbangan zakat dan

pembelian bonus. Pemberian zakat kepada golongan asnaf dan pembayaran bonus khas haji kepada para pendeposit yang belum menunaikan haji akan dapat membantu mengimarahkan syiar Islam melalui pengurusan *TH* yang berkesan.

Peranan *TH* yang keempat ialah berusaha memberikan perkhidmatan haji yang cemerlang dan memuaskan kepada semua jemaah haji Malaysia. Apa kaitannya memberikan perkhidmatan haji yang cemerlang oleh *TH* dengan mengimarahkan syiar Islam melalui pengurusan Rukun Islam kelima? Pencapaian *TH* yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia dan menjadi contoh pengurusan haji dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif oleh kebanyakan negara Islam di dunia. Menurut Tengku Aziz Raja Abdullah (2001) *TH* juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kepuasan jemaah haji untuk menunaikan fardu haji tanpa menimbulkan sebarang masalah sama ada daripada penerbangan, penempatan dan pengurusan haji. Beberapa anugerah yang diterima pada peringkat dalam dan luar negara menyebabkan orang ramai terus menerus menyimpan di *TH* sebagai tanda sokongan dan keyakinan mereka bertambah. Antara anugerah dan pengiktirafan yang diterima *TH* ialah Anugerah Zakat Kebangsaan 2012 bagi kategori syarikat GLC, *Malaysian Cyber Security Awards* iaitu bagi kategori *Information Security Organisation of The Year* dan *Most Innovative Information Security Professional*, Pensijilan ISO untuk dua kategori iaitu 'Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS)' dan "Pengurusan Dan Operasi Perkhidmatan Haji di Malaysia dan Arab Saudi". Seterusnya anugerah CSR Leadership Award sempena Asia Pacific Young Business Conference (APYBC) 2012. Ini tidak termasuk beberapa anugerah yang diterima oleh Pejabat *TH* di setiap negeri. Pada tahun 2008, Pasukan Perubatan Tabung Haji di Tanah Suci terpilih menerima anugerah

pasukan perubatan jemaah haji terbaik dunia daripada Kementerian Kesihatan Arab Saudi atas perkhidmatan cemerlangnya kepada jemaah haji Malaysia. Pengurusan yang cekap yang diamalkan oleh Tabung Haji yang telah menetapkan matlamatnya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan sempurna kepada jemaah Haji Malaysia sehingga melayakkan mereka memulangkan semula keuntungan maksimum kepada para pendeposit atas wang simpanan mereka.⁶

Peranan *TH* kelima ialah membantu memudah dan menyempurnakan urusan jemaah ke arah mendapat haji yang *mabrur*. '*Haji mabrur*' bermaksud haji yang diterima dan diredai oleh Allah SWT kerana ibadah hajinya telah dilakukan dengan sebaik baik mungkin, benar serta sumber yang halal, suci dan bersih. Setiap orang jemaah haji yang ke Mekah mengharapkan haji yang diterima Allah SWT. Bagi tujuan tersebut seseorang jemaah haji itu perlulah mendapat pemahaman yang jelas daripada segi Rukun Haji, syarat wajib haji, perkara yang dilarang semasa berihram dan cara-cara mengerjakan ibadat haji. Selain itu, beberapa bacaan doa tertentu perlu diketahui oleh semua bakal jemaah haji apabila berada pada tempat-tempat tertentu yang dianggap mustajab ketika berdoa. Bagi tujuan tersebut para jemaah mengharapkan supaya *TH* membimbing mereka bermula dari amalan yang wajib hinggalah sunat.

Oleh itu, beberapa siri kursus dan bimbingan haji telah diatur dan dikendalikan oleh Bahagian Bimbingan Haji *TH*. Objektif penubuhan bahagian ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai ibadat haji, umrah dan ziarah. Seterusnya meningkatkan kesedaran mengenai situasi sebenar di

⁶ Teks Khutbah Jumaat bertarikh 21 Zulkaedah 1434H bersamaan 27 September 2013M, bertajuk '*Tabung Haji Perkasa Ummah*' sumbangan Tabung Haji Negeri Sabah.

Tanah Suci dan yang terakhir untuk membantu melahirkan ummah yang bertaqwa yang memahami fungsi mereka selepas kembali dari melaksanakan ibadat haji. Ada empat jenis kursus yang disediakan oleh TH iaitu Kursus Asas Haji, Kursus Intensif Haji, Kursus Khas Haji dan Kursus Perdana Haji. Dalam kursus haji ini para bakal haji dan hajjah ditekankan tentang aspek tertentu bagi membantu mereka mengerjakan ibadat haji dengan sempurna.

Teknik yang digunakan oleh para pembimbing haji TH juga menarik dan boleh diterima oleh semua golongan dan pelbagai peringkat usia yang mengikuti kursus berkenaan. Umpamanya pada peringkat kursus asas, tumpuan bimbingan adalah terhadap tajuk-tajuk asas berkaitan ibadat haji, kesihatan dan pengurusan haji di Tanah Air dan Tanah Suci. Manakala pada peringkat intensif dan khas, fokus kursus adalah kepada praktikal dan latih tubi tentang ibadat haji dan umrah. Seterusnya praktikal ibadat haji dan umrah dalam kelompok jemaah yang lebih ramai dijalankan pada kursus perdana.

Menariknya di sini ialah para jemaah tidak akan berasa stres kerana bimbang kekurangan ilmu di dada dan tambahan pula bagi kebanyakan jemaah baru pertama kali menjejakkan kaki ke Tanah Suci. Empat siri kursus oleh TH ini amat membantu jemaah mendapat haji mabrur. Mereka berasa lebih yakin dan ini selaras dengan hasil kajian Aiza Maslan (2009) yang mendapati betapa dekatnya pemikiran orang Melayu dengan ibadah haji sehingga menjadikannya sebahagian daripada tuntutan budaya yang sangat dititik beratkan. Penyediaan wang perbelanjaan, dokumen, dan pemilihan sheikh haji adalah antara persediaan awal yang perlu dilakukan.⁷

⁷ Aiza Maslan @ Baharudin (2009). *Dari Tabung Buluh ke Tabung Haji: Sejarah Pengerjaan Haji Orang Melayu, 1850–1984.*, Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, penganjuran kursus haji oleh *TH* amat diperlukan oleh bakal-bakal jemaah haji terutama yang belum pernah ke Mekah. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Wan Nafisah Wan Abd. Rahman (2011) tentang persepsi jemaah haji terhadap pelaksanaan kursus haji di salah sebuah masjid di Besut, Terengganu. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa mereka yang berkenaan mempunyai persepsi positif terhadap kepentingan pelaksanaan kursus ibadat haji. Ini bermakna kursus haji amat penting sebelum jemaah haji ke Mekah.

Peranan *TH* yang terakhir adalah memberikan pulangan yang kompetitif, halal dan *toyyiban* melalui semua produknya kepada umat Islam. Kompetitif, halal dan *toyyiban* merupakan tiga ciri yang baik untuk diaplikasikan dalam mana-mana urusan niaga perbankan atau konvensional. Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T menggunakan istilah halal dalam pelbagai keadaan ayat. Antara penggunaan tersebut ada yang menyentuh sudut muamalat, hal kekeluargaan dan perkahwinan, makanan dan rezeki dan sebagainya. Menurut Muhammad Hisyam Mohamad (2013) kekayaan yang dijana menerusi hasil usaha yang halal merupakan satu unsur yang diperlukan oleh setiap orang Islam bagi membolehkannya menjalani satu kehidupan yang sempurna lagi diberkati. Satu kehidupan yang sempurna lagi barakah yang dimaksudkan di sini bukan sahaja terhadap dari sudut kemampuannya memenuhi keperluan diri dan keluarganya; bahkan dia berkeupayaan untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan juga negara.

Oleh itu, adalah menjadi azam *TH* untuk memberikan pulangan yang *kompetitif*, halal dan *toyyiban* kepada pendepositnya. Ini dilaksanakan *TH* secara penuh iltizam menerusi beberapa pendekatan dan konsep baharu yang

diperkenalkan. Antaranya memperkenalkan konsep simpanan secara *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Konsep ini merupakan konsep simpanan khas di mana pendeposit menyimpan wangnya dan *TH* sebagai penjaga (*custodian*) bersetuju untuk menjaga wang tersebut. Dalam kontrak ini, pendeposit telah memberi keizinan kepada *TH* untuk menggunakan atau meminjam wang mereka untuk tujuan perniagaan, pelaburan dan sebagainya. Sebagai timbal balasnya semua simpanan dalam *TH* ini akan dijamin oleh kerajaan. Dari sudut keuntungan yang diperolehi pula adalah menjadi milik penuh *TH*.

Oleh itu, keuntungan yang diagihkan adalah menurut budi bicara *TH* sendiri termasuk juga memberi pulangan yang berlainan kepada para pendeposit. Dalam situasi ini kedua-dua pihak iaitu *TH* dan pendeposit akan memperoleh situasi 'menang-menang' iaitu tiada pihak yang untung secara berlebihan dan tiada pihak yang akan rugi. Ajaran agama Islam menegaskan bahawa sesuatu yang berkat dapat memberi kebaikan kepada banyak pihak dan ia dapat dinikmati untuk satu tempoh yang lama. Justeru ikhtiar dan usaha untuk mencari rezeki halal dan seterusnya membentuk satu kekuatan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan negara wajib dijadikan sebagai sebagai salah satu dasar kehidupan yang perlu dicapai oleh setiap umat dan pemerintah negara Islam.

KESIMPULAN

Melalui dasar baharu yang diperkenalkan oleh pengurusan tertinggi di bawah pengerusinya YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, kini Tabung Haji telah mengamalkan cara kerja yang sederhana dengan membudayakan integriti dan

mengurus tadbir organisasi berdasarkan pematuhan syariah Islam selaras dengan visi dan misi. Sehubungan itu, setiap kakitangan *TH* tidak memberi dan menerima hadiah dari pihak luar. Dasar ini bertujuan untuk mengelakkan konflik atau percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan yang sedang berlangsung dengan *TH*. Paling penting setiap kaki tangannya dikehendaki mengamalkan budaya berintegriti bertepatan dengan Peraturan-Peraturan Tatertib dan Kod Etika Perniagaan *TH*.

Walau bagaimanapun, sokongan terhadap dasar dan usaha yang berjaya direalisasikan oleh pihak *TH* perlu ada dalam setiap hati sanubari seluruh umat Islam. Kalau tidak umat Islam sendiri siapakah lagi yang kita harapkan untuk memberikan pengiktirafan ini. Pada masa yang sama, kita menerima segala bentuk kejayaan yang tercipta dengan perasaan bangga tetapi kekal *tawaduk* terhadap Allah SWT. Bayangkan daripada sebuah badan yang bermula dengan sebuah pusat pengumpulan wang para jemaah haji dan pengurusan jemaah haji di Malaysia telah beransur-ansur menjadi satu gergasi dalam sektor perbankan negara kita. Perkembangan positif yang wujud ini selari dan dengan kehendak Allah SWT yang mahukan sekalian ummah mencari segala kekayaan dan kurnia yang disediakan oleh-Nya. Oleh yang demikian, pelaburan ialah salah satu cara yang telah dipilih oleh *TH* untuk mengembangkan sayap perbankan yang sedia ada bagi menjadi salah satu alternatif kepada umat Islam dari segi sistem kewangan yang dibina berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.⁸

(3,924 patah perkataan)

⁸ Syahidawati Haji Shahwan (2003). *Perlaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) Dalam Sektor Perladangan: 1990-2000*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah & Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

RUJUKAN

- Aiza Maslan @ Baharudin. (2009). *Dari Tabung Buluh ke Tabung Haji: Sejarah Pengerjaan Haji Orang Melayu 1850-1984*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- _____ (2005). Kamus Dewan Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Tabung Haji Sabah. (2013). *Tabung Haji Perkasa Ummah*. Teks Khutbah Jumaat pada 21 Zulkaedah 1434H bersamaan 27 September 2013M.
- Mamat Said (2001) *Zakat Perniagaan: Satu Kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mokhtar Hj. Ismail (2014). *Memperkasakan ekonomi dan kewangan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia: Pandangan dan Cadangan*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pentadbiran dan Muamalah, 26-27 Mei 2014
- Muhammad Hisyam Mohamad (2013). Tuntutan Halalan Toyyiban boleh memperkasakan ekonomi ummah. *Utusan Malaysia*. 19 Mac 2013.
- Norhazimah Che Hassan (2004). *Pelaksanaan Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Kajian di Lembaga Tabung Haji, 1992-2000*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Siti Ainiza Kamsari. (2015, 27 November). Tabung Haji tubuh jawatankuasa cari kaedah selesai 1.8 juta pendaftar haji: 70 tahun tunggu tunai haji. *Utusan Malaysia*, hal. 15.
- Tengku Aziz Raja Abdullah (2001), *Lembaga Tabung Haji Satu Kajian Sumbangan Terhadap Ekonomi Umat Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Disertasi, Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Nafisah Wan Abd. Rahman (2011) *Persepsi Jemaah Haji Terhadap Pelaksanaan Kursus Haji di Malaysia*. Disertai Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.